

# FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING  
**in a digital age**

**BRAIN DRAIN**

A Point of View in Malaysia

**MENTAL  
HEALTH**

*Bagaimanakah Penularan*

**PLANKTON  
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada  
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BULUT  
LUNING**



**PERANAN  
MAJIKAN  
DALAM  
MENANGANI  
TEKANAN KERJA  
PEKERJA**

**BUBU NAGA**

*Sekat Rezeki Nelayan Tradisional*

**MOTIVATING  
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive  
Reinforcement to Boost*

**HUTANG**  
*Kawan atau Lawan?*

*Unik tapi Benar*  
**KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA**

**RINTANGAN INSULIN**

*Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

Akibat dari kemalangan ini juga, Encik Noraidi dan Puan Yusmawati putus mata pencarian kerana tidak dapat bekerja. Urusan keperluan harian diambil alih oleh Nur Camelia Ezzati dan adiknya secara bergilir-gilir. Menurut Nur Camelia Ezzati, semasa kedua ibu bapanya dirawat di hospital, beliau dan adiknya secara bergilir-gilir menjaga mereka. Semasa Nur Camelia Ezzati menghadiri kuliah, adik keduanya telah mengambil cuti untuk menjaga ibu dan bapanya di hospital. Manakala adiknya yang bongsu, berusia 12 tahun, dijaga oleh ibu saudaranya di kampung.

Berita kemalangan dan keadaan keluarga Nur Camelia Ezzati telah menyentuh hati kami sebagai pensyarah yang pernah mengajar beliau. Oleh itu, kami telah mengambil inisiatif menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga beliau bagi meringankan beban mereka semasa ramadan dan Aidilfitri yang bakal diraikan nanti. Penyerahan bakul Ramadan mengandungi barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, gula, tepung, bihun dan lain-lain, beserta sumbangan kewangan turut diserahkan kepada keluarga Nur Camelia Ezzati semasa kunjungan kami. Sebelum beredar, kami meninggalkan Nur Camelia Ezzati dengan kata-kata semangat agar sentiasa tabah menghadapi dugaan ini. Kami juga turut berdoa agar beliau berjaya menempatkan diri ke program sarjana muda yang dipohon untuk semester baharu yang akan datang.

Secara keseluruhannya, Program Kasih Ramadan memberikan impak positif kepada pensyarah dan pelajar terlibat. Dari segi sosial, program ini mengukuhkan nilai kasih sayang dan silaturrahim. Bantuan yang diberikan bukan sahaja meringankan beban, tetapi juga memberi kegembiraan dalam menyambut Ramadan dan Aidilfitri. Dari segi ekonomi, sumbangan yang disalurkan dapat membantu mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh penerima bantuan. Nabi Muhammad SAW bersabda: "Barang siapa yang meringankan kesusahan seorang mukmin di dunia, nescaya Allah akan meringankan kesusahannya di akhirat." (Hadis Riwayat Muslim). Hadis ini mengukuhkan kepentingan membantu sesama insan, terutamanya dalam bulan yang penuh keberkatan ini.

Ringkasnya, Program Kasih Ramadan bukan sahaja berperanan sebagai satu inisiatif kebajikan, tetapi juga sebagai satu wadah yang mengeratkan hubungan sesama pensyarah dan pelajar. Keberkesanan program ini bergantung kepada sokongan dan penyertaan aktif daripada pelbagai pihak. Oleh itu, usaha untuk memperkasakan program ini perlu diteruskan bagi memastikan golongan memerlukan terus mendapat manfaat dan nilai kemanusiaan terus subur.



Sumbangan keperluan harian bakul Ramadan.



Penyampaian sumbangan kewangan kepada Encik Noraidi, bapa kepada pelajar Nur Camelia Ezzati.

# Pusaka Pesanan Hamba

Fathiyah Ismail, Nur Syikri Harun, dan Najah Lukman  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu,  
Terengganu, Malaysia.

Emel Koresponden: [fathi260@uitm.edu.my](mailto:fathi260@uitm.edu.my)

Wahai tuan hamba,  
Di bawah langit biru terbentang,  
Di atas tanah terbanting tulang,  
Harta dikumpul siang dan malam,  
Titipan dunia yang kian menghilang,  
Tiada satu pun kekal pemilikan,  
Pasti semua akan kita tinggalkan.

Pusaka mengalir bagai sungai,  
Meski erat dipegang pasti terlerai,  
Harta amanah yang perlu dijaga terkadang perlu  
disemai,  
Agar warisan tidak lepas terburai,  
Pada mereka yang hatinya lalai.

Harta itu pinjaman, bukan hak,  
Maka janganlah lupa, janganlah tamak,  
Ada bahagian sanak-saudara anak-beranak,  
Apatah lagi ibu dan ayah pastinya berhak,  
Terkadang manusia kalah dengan kehendak,  
Terkabur sudah yang mana benar yang mana tidak.

Ingatlah,  
Harta bukan jaminan syurga Ilahi,  
Pusaka adil, rezeki dibahagi,  
Wasiat ditulis, faraid wajib diikuti,  
Hak setiap darah dijaga rapi,  
Agar harta bukan jadi asbab berkelahi,  
Kerana di akhirat, semua bakal dihitung nanti.

Wahai tuan hamba,  
Kumpullah harta, manfaatkan dunia,  
Bersama niat demi kebahagiaan di sana,  
Tulislah wasiat sebelum sengsara,  
Agar yang ditinggal tiada berduka,  
Agar yang berbagi tiada bermusuh pula,  
Kerana di penghujung perjalanan kita,  
Yang abadi cuma amalan yang terlaksana.





BizNewz 2025  
Faculty of Business and Management  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA  
Tel: +609-8400400  
Fax: +609-8403777  
Email: biznewzitm@gmail.com